

Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) tahun 2023

Perkhidmatan digital TH raih anugerah

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) diiktiraf sebagai Penerima Terbaik Trek Sosial Anugerah Inovasi Sektor Awam bagi projek berimpak tinggi menerusi inisiatif perkhidmatan digitalnya, THiJARI.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman, berkata anugerah itu adalah pengiktirafan kepada TH, sekali gus mencerminkan komitmen kakitangannya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada lebih sembilan juta pendeposit, selari dengan usaha TH ke arah digitalisasi.

"THiJARI adalah inisiatif dan komitmen TH untuk memudahkan pendeposit melakukan transaksi secara dalam talian dengan selamat tanpa perlu hadir ke pejabat cawangan.

"Anugerah ini juga menandakan kepercayaan yang tidak terhingga oleh pendeposit kami dan TH akan sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan serta perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pendeposit," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Pengiktirafan itu diterima pada Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) bagi tahun 2023 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Pu-



Anwar menyampaikan anugerah Penerima Terbaik Trek Sosial Anugerah Inovasi Sektor Awam bagi projek berimpak tinggi kepada Syed Hamadah sambil diperhatikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi pada Majlis AIPSA bagi 2023 di Putrajaya, Rabu lalu.

(Foto ihsan FB Tabung Haji)

trajaya (PICC) bertemakan 'Malaysia Madani Memperkasa Inovasi'.

Pemilihan penerima terbaik adalah berdasarkan kepada empat kriteria penilaian iaitu berimpak tinggi, nilai untuk wang, pengdigi-

tan dan kemampanan.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri menerima 313 penyertaan yang mana sebanyak 34 disenarai pendek ke Jawatankuasa Pencalo-

nan AIPSA.

Anugerah itu diwujudkan untuk mengiktiraf dan meraikan agensi yang memberi sumbangan signifikan dan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan awam menerusi penghasilan inovasi.